

NO. SOALAN : 10

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD
YUSOFF [RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 5 DISEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 10 :

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam menaik taraf pekan Rantau Panjang sebagai destinasi pelancongan yang terletak di pintu masuk sempadan Malaysia-Thailand.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya sentiasa bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri Kelantan dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam mempertimbangkan sebarang cadangan menaiktaraf atau membangunkan lokasi-lokasi tumpuan pelancong di seluruh negeri Kelantan termasuklah pekan Rantau Panjang yang menjadi salah satu pintu masuk utama sempadan Malaysia-Thailand sekiranya berpotensi bagi memastikan produk pelancongan serta aktiviti kebudayaan di negeri tersebut dapat dibangunkan dengan memberi faedah kepada masyarakat tempatan khususnya dan ekonomi negara secara keseluruhannya.

Sehubungan ini, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya telah memperuntukan sebanyak RM18.32 juta bagi membiayai 18 buah projek berkaitan produk pelancongan dan kebudayaan di negeri Kelantan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh. Ini termasuk dua buah projek di Rantau Panjang, Kelantan dengan kos keseluruhan sebanyak RM1.1 juta. Projek yang terlibat adalah Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Pintu Masuk Rantau Panjang, Pasir Mas, Kelantan (RM1 juta); dan Projek Menaiktaraf Kemudahan Pelancongan di Pintu Masuk Antarabangsa Rantau Panjang, Kelantan iaitu Naik Taraf Kemudahan Pelancongan di Stesen Teksi (RM100 ribu).

Sejumlah RM1.65 juta turut diperuntukan Kementerian bagi membiayai tiga buah projek di negeri Kelantan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas. Walau bagaimanapun, tiada sebarang projek pelancongan mahu pun kebudayaan yang dilaksanakan di Rantau Panjang di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas ketika ini.

Sekian, terima kasih.